

Agong, Permaisuri Hadir Majlis Bacaan Yasin Sempena Hari Pahlawan 2014
Bernama
July 17, 2014

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada Khamis berkenan menghadiri majlis berbuka puasa dan bacaan Yasin serta doa selamat sempena sambutan Hari Pahlawan 2014 di ibu negara.

Baginda yang tiba di Masjid Negara pada pukul 6.45 petang turut diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Hadir sama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Turut serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar, dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Majlis bermula dengan bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat.

Selepas berbuka, Seri Paduka berdua menyertai lebih 2,000 jemaah termasuk anggota pasukan keselamatan menunaikan solat Maghrib yang diimamkan oleh Imam Besar Masjid Negara Tan Sri Syeikh Ismail Muhammad.

Ini diikuti dengan solat Isyak dan solat sunat Tarawih.

Hari Pahlawan disambut pada 31 Julai setiap tahun bagi mengenang jasa pasukan keselamatan yang banyak berkorban untuk tanah air.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054364>